

**SK SUNGAI MAONG HILIR**  
**PENDIDIKAN MORAL TAHUN 3**

NAMA:

TARIKH:

**A. Seret (drag) jawapan yang betul ke dalam ruang yang disediakan.**



1. Sikap saling membantu antara warga sekolah dapat \_\_\_\_\_ perhubungan.
2. Sebagai pelajar, kita mestilah \_\_\_\_\_ guru-guru dan warga sekolah yang lain.
3. Kita hendaklah \_\_\_\_\_ dalam menjayakan aktiviti di sekolah.
4. Murid yang mengamalkan sikap bekerjasama akan \_\_\_\_\_ oleh rakan-rakan.
5. Ruslan telah mendapat anugerah pelajar cemerlang kerana dia seorang yang rajin \_\_\_\_\_.
6. Apabila diberikan tugas, kita hendaklah menjalankan tugas itu dengan \_\_\_\_\_ dan jujur.
7. Ketika membeli makanan di kantin, kita hendaklah \_\_\_\_\_.
8. Sarina \_\_\_\_\_ pintu sebelum masuk ke bilik guru.
9. Hafiza \_\_\_\_\_ semua rakan kelas ke majlis hari lahirnya.
10. Kamala akan \_\_\_\_\_ kepada guru jika dia tidak memahami mengenai sesuatu perkara yang diajar di sekolah.

**B. Klik pada pernyataan yang betul.**

- ① Ah Chong menghormati kawanya yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan tidak makan di hadapan mereka. 
- ② Sarjit sentiasa akan membantu kawan-kawannya semasa mereka berada di dalam keadaan yang memerlukan tanpa mengharapkan balasan. 
- ③ Kamaliah tidak pernah menunjukkan sikap berterima kasihnya kepada guru-gurunya kerana menganggap kejayaannya adalah atas usahanya sendiri. 
- ④ Apabila terdapat pelawat di sekolah, semua murid-murid akan menunjukkan rasa hormat mereka kepada pelawat tersebut. 
- ⑤ Saiful bersikap tidak adil kerana sentiasa menutup kesalahan kawannya dan membiarkan orang lain yang menanggung kesalahan itu. 
- ⑥ Mei Mei bersikap tidak jujur kerana telah membawa nota kecil ke dalam dewan peperiksaan. 
- ⑦ Murid-murid tahun 5 Mulia sentiasa mengamalkan sikap rajin dengan sentiasa memastikan kelas mereka dalam keadaan yang bersih. 
- ⑧ Kusyairi sentiasa bersikap tamak dan tidak mahu kawan-kawannya mendapat sesuatu melebihi dirinya. 
- ⑨ Sikap kerjasama yang diamalkan oleh kesemua warga sekolah Sri Murni telah menyebabkan sekolah tersebut dinobatkan sebagai sekolah terbaik peringkat negeri. 
- ⑩ Jashjit memotong barisan kawan-kawannya semasa hendak mengambil air minuman percuma kerana tidak mahu melepaskan peluang tersebut. 